

# RM100j bantu koperasi perluas industri agromakanan

BH - 3/7/2022 m/d: 2

**Kuala Lumpur:** Sejumlah RM100 juta peruntukan Tabung Agromakanan akan diletakkan di bawah Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) bagi membantu koperasi mengembangkan industri agromakanan khususnya penternakan ayam.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, berkata kerajaan berharap menerusi langkah itu, ia dapat membantu koperasi meningkatkan pengeluaran makanan.

Selain itu, katanya kerajaan juga berharap langkah ini dapat mengurangkan masalah kenaikan harga barang yang memberi impak besar kepada Keluarga Malaysia.

“Kerajaan menaruh keyakinan

bahawa sektor koperasi dapat memainkan peranan melonjakkan peratusan jaminan keselamatan makanan negara, khususnya bekalan ayam pada harga yang lebih stabil,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap sempena Majlis Sambutan Bulan Koperasi Kebangsaan 2022 di Pusat Pelancongan Malaysia (MATIC) di sini, semalam.

Yang turut hadir, Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Tan Sri Noh Omar dan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Shahidan Kassim.

Selain itu, Ismail Sabri berkata, sudah tiba masanya gerakan koperasi di seluruh negara menyahut seruan ‘Jihad Memerangi Orang Tengah’ dengan memainkan

peranan lebih signifikan dalam memperkasakan agenda sekuriti makanan negara.

“Beberapa hari lalu, di muka depan sebuah akhbar ada disebut dengan jelas bahawa 90,000 nelayan ditindas oleh orang tengah. Harga ikan yang kita beli di pasaran, ikan kembung sebagai contoh kita beli RM16, tetapi nelayan hanya menjual pada RM5 atau RM6.

“Ini kerana keuntungan dikaut oleh orang tengah. Saya pernah berkata dahulu, orang tengah dalam hal membabitkan tangkapan ikan ini seluar pun tak basah dek air laut, tetapi merekalah yang kaut keuntungan lebih,” katanya.

Justeru, beliau mahu gerakan koperasi khususnya Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Ber-

had (ANGKASA) dan Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) menguasai setiap rantaian bekalan.

“Anak ayam sebagai contoh, kalau boleh kuasai rantaian sejak dari mula. Jangan anak ayam dikuasai oleh orang lain, akhirnya anak ayam dijual pada harga mahal,” katanya.

Dalam pada itu, Ismail Sabri berkata, kerajaan bersetuju supaya koperasi terbabit dalam sektor perladangan diberikan kuota pekerja asing dan Kementerian Sumber Manusia akan memudahkan permohonan koperasi melalui proses manual jika terdapat kekangan dengan Sistem Pengurusan Berpusat Pekerja Asing (FWCMS).

Perdana Menteri juga berkata,

kerajaan menyokong penubuhan Koperasi Rakyat BR 2.0 Malaysia Berhad (BR 2.0) sebagai sebuah entiti koperasi baharu yang dikawal selia oleh SKM.

Jelasnya, penubuhan BR 2.0 yang termaktub di bawah Akta Koperasi 1993 (Akta 502) dijangka memainkan peranan lebih besar iaitu membantu membangunkan sektor koperasi serta Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) dan seterusnya menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara.

“Penubuhan BR 2.0 juga membolehkan Keluarga Malaysia melabur dan memiliki saham dalam koperasi seperti mana Bank Rakyat dengan jangkaan pulangan yang baik,” katanya.